
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

YBP 224 – Perhubungan Awam

Masa : 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Jawab lima (5) dari soalan-soalan di bawah.
 - (a) Berikan tiga (3) definisi perhubungan awam beserta penulisnya. Apakah perbezaan antara definisi-definisi tersebut dengan pemahaman anda terhadap perhubungan awam.
 - (b) Jelaskan model-model perhubungan awam yang dikemukakan oleh Grunig dan Hunt (1984).
 - (c) Terangkan tahap-tahap perkembangan perhubungan awam di peringkat anatarabangsa dan nyatakan tokoh-tokoh yang mempelopori tahap-tahap tersebut.
 - (d) Berikan beberapa aktiviti-aktiviti perhubungan awam korporat yang membantu pemasaran sesuatu produk atau perkhidmatan.
 - (e) Perihalkan peranan-peranan pengamal perhubungan awam.
 - (f) Jelaskan faktor-faktor dalam komunikasi pemujukan.
 - (g) Berikan sebab-sebab perlunya pengamal perhubungan awam memahami pendapat publik.
 - (h) Apakah soalan-soalan strategik yang perlu ditanya dan dijawab sebelum mewujudkan laman web sesuatu organisasi
 - (i) Jelaskan langkah-langkah dalam tahap perancangan dan pengaturcaraan proses perhubungan awam.
 - (j) Apakah alat-alat komunikasi yang diamalkan dalam komunikasi kakitangan.

2. Memahami bagaimana pendapat publik dibentuk adalah penting dalam perhubungan awam. Isu-isu tertentu akan menyebabkan publik terbentuk dan menyatakan pendapat mereka. Berpandukan satu isu yang dihadapi oleh organisasi yang anda ketahui, jawab soalan-soalan berikut:
- (a) Jelaskan proses pembentukan pendapat publik mengenai isu tersebut.
 - (b) Mengapa pengamal perhubungan awam perlu memantau sesuatu isu.
3. Anda adalah pengamal perhubungan awam di salah sebuah badan korporat yang berjaya. Di antara tugas anda ialah menerbitkan laporan tahunan bagi korporasi tersebut. Ia mengandungi fakta-fakta ekonomi yang memerihalkan pencapaian cemerlang korporasi tahun tertentu. Sebagai pengamal perhubungan awam korporat anda perlu membina publisiti mengenai pencapaian korporasi yang luar biasa pada tahun itu melalui media.
- (a) Sediakan kertas cadangan aktiviti-aktiviti publisiti yang akan anda laksanakan di samping memberi justifikasi terhadap aktiviti-aktiviti tersebut.
 - (b) Bincangkan saluran media yang menjadi pilihan.
 - (c) Tulis siaran media (*press release*) mengenai pencapaian cemerlang korporasi tersebut.